

PERSATUAN SUKAN LASAK REJIMEN TUDM SERTAI CABARAN “MAD WARRIOR”

 airforce.mil.my/berita/berita-dari-pangkalan/2259-persatuan-sukan-lasak-rejimen-tudm-sertai-cabaran-mad-warrior

CYBERJAYA, 12 Ogos 17 - Persatuan Sukan Lasak Rejimen TUDM telah menghantar empat penyertaan bagi bertanding di Sukan Lasak “Mad Warrior” yang berlangsung di Cyberjaya, Selangor. Dalam sukan tersebut, para peserta diuji kekuatan dan mental dengan mengharungi 30 jenis halangan sejauh 7 kilometer bagi merebut kejuaraan “Mad Warrior”.

Empat peserta TUDM yang mengambil bahagian adalah Kpl U Muhammad Faiz bin Abdullah, Kpl U Abdul Rahman bin Abdul Rani, LU I Timotius Ahimo dan LU I Mohd Hisyamhuddin bin Zainal Abidin. Keempat-empat mereka merupakan anggota PASKAU dari Rejimen TUDM, Jugra.

Dalam pertandingan tersebut menyaksikan LU I Timotius Ahimo telah mendapat tempat ketiga dalam Kategori International Elite manakala Kpl U Muhammad Faiz bin Abdullah mendapat tempat keenam juga dalam kategori yang sama. Kpl U Abdul Rahman bin Abdul Rani dan LU I Mohd Hisyamhuddin bin Zainal Abidin masing-masing mendapat tempat 20 terbaik.



